

Headline	Zon penampungan selamatkan kelip-kelip		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Feb 2018	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	6	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	535 cm ²
Journalist	MOHD. HAFIZI AHMAD	AdValue	RM 13,937
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,812



Ikon cahaya Malaysia menurun sebanyak 42 peratus dalam tempoh 10 tahun sejak 2007

Zon penampungan selamatkan kelip-kelip

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD

KUALA LUMPUR – Populasi kelip-kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor, Selangor telah menurun sebanyak 42 peratus dalam tempoh 10 tahun sejak tahun 2007.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, hal itu terjadi disebabkan habitat semula jadi serangga itu telah terganggu lantaran aktiviti pembukaan tanah di sepanjang Sungai Selangor.

Beliau menjelaskan, pembukaan tanah di sepanjang sungai itu yang dikhaskan untuk tanaman kelapa sawit menjadi faktor utama sumber makanan larva kelip-kelip iaitu siput daripada spesies *Cyclotroxis carinata* semakin berkurangan.

"Kira-kira 50 peratus habitat siput di kawasan itu yang bergantung hidup kepada persekitaran tanah lembab dan pokok sagu sebagai sumber makanan telah musnah disebabkan pembukaan ladang kelapa sawit yang telah menukar ekosistem kawasan berkenaan.

"Jika dahulu habitat kelip-kelip yang hinggap pada setiap pokok berembang di tepi Sungai Selangor melebihi 600 ekor tetapi kini hanya ada sekitar 400 ekor. Puncanya adalah siput yang merupakan sumber makanan larva kelip-kelip telah berkurangan," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di



INILAH siput daripada spesies *Cyclotroxis carinata* yang menjadi sumber makanan utama larva kelip-kelip.

ibu pejabat FRIM di sini semalam.

Hadir sama dalam wawancara khas itu ialah Pengarah Bahagian Biodiversiti Hutan FRIM, Dr. Lillian Chua dan Pakar Entomologi FRIM, Veronica Khoo.

Berdasarkan fakta saintifik, seekor larva kelip-kelip memerlukan sekurang-kurangnya tiga ekor siput sebagai sumber makanan setiap hari. Tempoh kitaran hidup larva pula hampir tiga bulan dan memerlukan sumber makanan yang banyak.

"Apabila jumlah siput makin pupus kerana pokok sagu ditebang, sudah pasti kelip-kelip juga akan berkurang kerana makanannya tiada. Ia sebahagian daripada ekologi kelip-kelip yang sangat penting," katanya lagi.

Sehubungan itu, Abd. Latif menegaskan, usaha pemantauan untuk membendung masalah



Kelip-kelip di Kampung Kuantan



INFO Kelip-kelip di Kampung Kuantan

Kelip-kelip

- Sejenis serangga daripada kumpulan kumbang

- Spesies jenis *Pteroptyx tener* paling banyak ditemui di Kampung Kuantan, Kuala Selangor

- Keunikan kelip-kelip spesies ini pada ekornya yang mengeluarkan kilipan cahaya

- Kilipan cahaya dikeluarkan serangga ini adalah serentak pada setiap masa iaitu pada kadar 3 kilipan sesaat

- Ukuran kelip-kelip 6 milimeter panjang

- Kelip-kelip jantan mengeluarkan cahaya lebih terang berbanding betina untuk tujuan menarik perhatian kelip-kelip betina

- Jangka hayat kelip-kelip dianggarkan dua hingga tiga bulan



pencerobohan kawasan semula jadi kelip-kelip di sepanjang Sungai Selangor perlu dimatikan menerusi kerjasama pihak berkuasa tempatan di Selangor.

"Zon penampungan sekurang-kurangnya 50 meter di kedua-dua bahagian tebing Sungai Selangor perlu dilaksanakan selain aktiviti menanam lebih banyak pokok sagu, pokok berembang dan pokok nipah," ujarnya.

Beliau bagaimanapun memuji usaha kerajaan negeri yang mewartakan lebih 1,000 hektar kawasan di sepanjang Sungai Selangor sebagai zon perlindungan kelip-kelip.

Sementara itu, Veronica berkata, larva kelip-kelip merupakan peringkat kitaran hidup paling kritikal serangga itu kerana tempoh hidupnya yang mencecah sehingga tiga bulan berbanding kelip-kelip dewasa sekitar empat minggu sahaja.

"Kitaran hidup kelip-kelip

pada peringkat telur hanya 14 hari, larva sehingga tiga bulan manakala pupa sekitar 12 hari dan kelip-kelip dewasa empat minggu. Jika habitatnya terancam ia akan memberi kesan pada peringkat awal kitaran hidup kelip-kelip.

"Tidak mustahil satu hari nanti kelip-kelip yang menjadi ikon cahaya di Malaysia akan pupus sekiranya habitat semula jadi serangga itu terus diganggu oleh aktiviti pertanian dan pembukaan tanah," jelasnya.

Kosmo! semalam melaporkan, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar mendesak kerajaan negeri Selangor supaya perlu lebih peka terhadap aktiviti mengorek pasir kerana kelulusan projek tersebut atau penyimpanan stok pasir di kawasan berhampiran habitat serangga di Kampung Kuantan telah menjejaskan ekosistem dan hidupan kelip-kelip.